

12/09/1997

Pengurus dana asing masih berkeyakinan

Kadir Dikoh

PENGURUS dana asing masih menaruh keyakinan terhadap asas sebenar kekuatan ekonomi negara dan perkara itu tidak harus membimbangkan, kata bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Menurutnya, kerajaan tidak menakut-nakutkan pelabur asing malah kejayaan ekonomi negara selama ini adalah berasaskan kepada pelaburan langsung asing (DFI).

Beliau berkata Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelaburan asing dan sebab itu ia sanggup menemui pengurus dana asing baru-baru ini untuk mendengar pandangan mereka dalam keadaan kejatuhan pasaran serta krisis mata wang.

Hujung minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Daim sendiri menemui lebih 12 pengurus dana antarabangsa.

Daim berkata Anwar yang juga Menteri Kewangan akan sekali lagi menemui pengurus dana asing itu. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh dan tempatnya serta kemungkinan pertemuan itu akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Ketika ditemui pemberita selepas melancarkan buku Malaysia Today terbitan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) dan pelancaran website Asli di Internet di Kuala Lumpur semalam, beliau berkata:

"Dalam pertemuan itu, kita mahu mendengar (masalah) mereka dalam usaha mendapat maklum balas. Kita mahu tahu, apa sebenarnya kemahuan mereka. Namun mereka percaya terhadap asas (ekonomi) kita yang kuat."

"Bagaimanapun, mereka melahirkan rasa bimbang terhadap akaun defisit semasa kita dan kononnya terhadap projek mega. Kita sudah menjelaskan mengenai hal ini kepada pengurus dana asing terbabit dan mereka faham," katanya.

Dr Mahathir baru-baru ini mengumumkan penangguhan beberapa projek mega termasuk Bakun selain menarik balik taraf sekuriti bertanda untuk 100 saham komponen Indeks Komposit.

Berikutan itu, Indeks Komposit di BSKL Jumaat lalu naik secara mendadak 12.37 peratus atau 90.47 mata, catatan tertinggi dalam sehari sejak 1994. Kesan positif itu turut melimpah kepada ringgit.

Ditanya sama ada pertemuan dengan pengurus dana asing itu akan kerap diadakan selepas ini, beliau berkata ia bergantung kepada mereka dan apabila mereka merasakan perlu, mereka boleh datang untuk pertemuan seperti itu.

"Kerajaan kita berasaskan kepada perundingan. Kita terbuka kepada perundingan dan orang boleh sentiasa datang untuk menemui kita," katanya.

Mengenai pengumuman Anwar malam kelmarin bahawa kerajaan menggariskan pelan pengurusan ekonomi berhemat yang akan dilaksanakan serta merta membabitkan semua sektor ekonomi termasuk memotong sekurang-kurangnya dua peratus perbelanjaan bagi semua kementerian bermula dengan Jabatan Perdana Menteri, beliau berkata:

"Saya rasa ia bagus... Namun, jangan mengharapkan beliau (Anwar) untuk mengumumkan segalanya sekarang...nanti tiada apa yang boleh dia cakap lagi dalam belanjawan".

(END)